

# AL-HIKMAH

---

|              |           |                       |             |
|--------------|-----------|-----------------------|-------------|
| <b>Jilid</b> | <b>10</b> | <b>ISSN 1985-6822</b> | <b>2018</b> |
| <b>No.</b>   | <b>1</b>  |                       | <b>1439</b> |

---

- NILAI AGAMA ISLAM DALAM KESEDARAN BERAGAMA KALANGAN MASYARAKAT BAJAU DARAT KAMPUNG PENIMBAWAN TUARAN, SABAH .....3-15  
*Qurratu Ain Rapihi, Zaizul Ab. Rahman*
- PENGARUH VLOG DAKWAH TERHADAP KOGNITIF DAN AFEKTIF REMAJA DI PUTRAJAYA ...16-33  
*Muhamad Faisal Ashaari, Noor Hafizah Jujaji*
- TRAIT PERSONALITI PENDAKWAH MUSLIM: SATU SOROTAN LITERATUR ...34-54  
*Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, Zainab Ismail*
- KONSEP HISBAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM ...55-78  
*Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Don, Muhamad Faisal Asha'ari*
- HUBUNGAN INSENTIF KEIMANAN DAN AMALAN PENGAJARAN: KAJIAN TERHADAP GURU TAHFIZ SWASTA DI NEGERI PERAK ...79-94  
*Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman*
- KELANGSUNGAN SYARIAT ISLAM MENERUSI PERUNDANGAN MALAYSIA ...95-118  
*Mohd Mustaffa Jusoh @ Yusoff, Mohd Musa Sarip, Wan Abdul Fattah Wan Ismai*
- DAKWAH MELALUI MEDIA BARU DI MALAYSIA: PELUANG ATAU CABARAN? ....119-128  
*Aini Maznina A. Manaf*
- MODEL PENGUKURAN APLIKASI MUDAH ALIH PANDUAN SOLAT ANDROID (MAPS) ...129-147  
*Siti Zuraida Abdul Manaf, Norazah Nordin, Helmi Norman, Ahmad Syukri Mohamad Zaid, Analisa Hamdan*
- PERLAKSANAAN KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KAEDAH Fiqh ... 148-162  
*Mohd Aderi Che Noh, Normurni Mohamad, Adibah Hasanah Abd Halim, Absha Atiah Abu Bakar, Hasnan Kassan*
- MENDEPANI MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA MELALUI ILMU PERBANDINGAN AGAMA: TINJAUAN AWAL ...163-175  
*Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Nazneen Ismail, Maryam Habibah Kamis*
- CHRISTIAN NEO-ORTHODOXY APPROACH TO RECONSTRUCTION OF RELIGIOUS THOUGHT ON SELECTED THEOLOGICAL ISSUES: AN ISLAMIC ANALYSIS ...176-187  
*Adibah Abdul Rahim*
- ISLAMOPHOBIA IN THE WEST MEASURING AND EXPLAINING INDIVIDUAL ATTITUDES by MARC HELBLING ... 188-189  
*Badlihisam Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don*

*Al-Hikmah 10(1) 2018: 55-78*

## Konsep Hisbah Dan Kepentingannya dalam Pengurusan Hal Ehwal Islam

Concept and Importance of Hisbah in The Management of Islamic Affairs

ABDUL QAHHAR IBRAHIM  
ABDUL GHAFAR DON  
MUHAMAD FAISAL ASHA'ARI

### ABSTRAK

Pelaksanaan hisbah merupakan satu amalan pengawasan dalam pengurusan Islam yang terkesan dengan konsep amar maaruf nahi munkar dan pelaksanaannya telah bermula sejak zaman pemerintahan Islam yang pertama. Secara ringkasnya skop hisbah adalah begitu luas mencakupi aspek agama, politik, sosial dan ekonomi. Objektif penulisan ini adalah bertujuan untuk mengkaji konsep hisbah dan kepentingannya dalam pengurusan hal ehwal Islam. Penulisan ini telah menggunakan metode analisis kandungan terhadap dokumen tertentu seperti enakmen, kertas kerja, jurnal, dan buku yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa konsep hisbah terbentuk berasaskan kefahaman terhadap elemen amar maaruf nahi munkar yang merupakan nadi asas kepada pelaksanaan hisbah dan pengurusan Islam. Fungsi hisbah juga amat penting bagi membentuk dan membina pengurusan hal ehwal Islam yang berdaya maju secara dalaman dan luaran sesuai dengan perkembangan semasa. Oleh itu, kajian dan penyelidikan yang berterusan wajar dilakukan bagi proses pemantapan pelaksanaan hisbah dalam pengurusan hal ehwal Islam pada masa akan datang iaitu dari sudut struktur organisasi, masalah dan cabaran.

**Kata Kunci:** *Konsep Hisbah, Amar maaruf nahi munkar, Pengurusan hal ehwal Islam.*

### ABSTRACT

Implementation of hisba is a practice in the management oversight that impressed with the concept of Islam *al-amr bi al-ma' ruf* and *al-nahyi 'an al-munkar* and its implementation has been started since the first days of Islam. In summary scope is so vast hisbah concept covering aspects of religious, political, social and economic. The objective of this paper is to study the hisbah concept and its importance in

managing Islamic affairs. The writing is already using content analysis methods such as the enactment of a specific document, papers, journals, and books related. The results showed that hisbah are formed based on an understanding of the elements *al-amr bi al-ma'aruf* and *al-nahyi 'an al-munkar*, which is the basis for the implementation and management of hisbah. Hisbah function is also very important to establish and build management of Islamic affairs viable internally and externally in accordance with current developments. Thus, studies and ongoing research should be done to the process of strengthening the implementation of hisbah concept in the management of Islamic affairs in the future, namely in terms of organizational structure, problems and challenges.

**Keywords:** *concept of hisbah, al-amr bi al-ma'aruf and al-nahyi 'an al-munkar, the management of Islamic affairs.*

## PENDAHULUAN

Pengurusan Islam atau pengurusan hal ehwal Islam yang mantap adalah suatu bentuk pengurusan yang memenuhi kriteria sebagai sebuah pengurusan Islam yang sempurna melalui penerapan nilai-nilai dan elemen tertentu yang amat berkait rapat dengan pelaksanaan pengurusan hal ehwal Islam yang mapan dan profesional khususnya dalam menghadapi zaman yang serba canggih pada masa kini. Salah satu elemen asas yang perlu ada dalam sesebuah organisasi yang mengamalkan sistem pengurusan Islam adalah elemen hisbah yang berasaskan kepada kefahaman dan hasil implementasi teori *amar ma'aruf nahi munkar* yang membawa maksud mengajak atau menyuruh kepada perkara kebaikan dan mencegah perkara yang membawa kepada kemungkaran. Aspek hisbah dilihat sebagai satu unsur yang amat penting dan relevan dalam memastikan sesuatu amalan pengurusan Islam dalam sesebuah organisasi itu berjalan pada asas yang benar dan bersesuaian kehendak ajaran Islam yang sebenar. Ini amat berbeza dengan apa yang wujud dan difahami melalui teori pengurusan konvensional barat yang semata-mata lebih tertumpu dan mementingkan kepada aspek material dan kuantiti sahaja. Ia amat berbeza dengan amalan pengurusan Islam yang menerapkan keseimbangan antara unsur dalaman dan luaran (zahir dan batin) bagi mencapai *al-falah* iaitu kebahagiaan dan kejayaan yang hakiki di dunia dan akhirat. Artikel ini bermatlamat untuk menghuraikan konsep hisbah dan kepentingannya dalam pengurusan hal ehwal Islam (PHEI).

## KONSEP HISBAH

Pada bahagian ini penulis akan menghuraikan berhubung konsep hisbah dari segi penggunaan bahasa dan Istilah. Tujuannya adalah untuk membentuk satu pemahaman yang jelas terhadap erti sebenar hisbah dalam kehidupan manusia sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah Taala berdasarkan al-Quran dan Sunnah terutamanya dalam usaha menerapkan dan mengaplikasikannya dalam aspek pengurusan Islam.

### **Hisbah Dari Segi Bahasa**

Hisbah berasal dari kata dasarnya iaitu hasaba ya Hisbah berasal daripada lafaz *حساب* (hasaba) yang membawa kepada beberapa makna, antaranya ialah menghitung, mengira, menimbang ataupun menilai. Sementara perkataan *احتساب* (Ihtasab) yang berasal daripada akar umbi kata yang sama bermaksud mengharapkan pembalasan pada hari akhirat dengan melakukan perbuatan yang mulia disisi Allah Taala. Pengertian pengertian tersebut juga bersesuaian dengan apa yang dinyatakan dalam kamus al-Mucjam al-Wasit bahawa hisbah yang berasal dari akar kata (hasaba) membawa erti seperti mengira, memberi kadar dan menghitung. Manakala di dalam kamus al-Munjid (1973) menyebut bahawa perkataan hisbah itu terbentuk dari perkataan hasaba yang bermaksud membilang atau mengira, manakala lafaz hisbah secara bahasanya bererti ganjaran dan pahala melaluinya lahir istilah muhtasib yang membawa maksud penguatkuasa yang dilantik di bawah hakim bertujuan untuk memantau timbangan-timbangan dan seumpamanya. Secara umumnya lafaz hisbah itu berasal daripada lafaz hasab bagi kata perbuatan yang bermaksud mengira, menghitung, membilang dan menilai yang akhirnya melahirkan satu lafaz lain yang berkaitan iaitu hisbah yang menjadi asas kepada pelaksanaan amar maaruf nahi munkar.

### **Hisbah Dari Segi Istilah**

Terdapat pelbagai pentakrifan dari segi istilah oleh para ilmunan Islam berkenaan hisbah antaranya ialah takrifan hisbah oleh al-Mawardi (2006), Syauqi Abu Khalil (2010), Abdul Karim Zaidan (2011) iaitu perintah untuk melakukan perkara makruf apabila ia ditinggalkan dan mencegah perkara munkar apabila ianya dilakukan. Selain itu al-Ghazali (1980) mentakrifkan hisbah sebagai satu istilah atau ibarat yang mencakupi urusan amar maaruf nahi munkar. Manakala Usamah Abdul Sami' (2011) mentakrifkan hisbah

dengan mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran atas tujuan islah (perbaikan) di antara manusia sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah Taala sesuai dengan syariat Islam bagi mencapai keredhaanNya. Manakala Mardzelah Makhsin (2008) mendefinisikan hisbah sebagai sistem pengawasan dalam pengurusan Islam dan ia wujud sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. yang mempunyai sejarah yang cukup panjang dalam pemerintahan Islam. Pengertian hisbah berdasarkan kamus al-Mu'jam al-Wasit (1972: 193) membawa maksud kedudukan atau jawatan yang terdapat dalam kerajaan Islam berdasarkan lantikan pemerintah untuk menyelia atau mengawasi urusan-urusan umum yang membabitkan kepada pengawasan harga barangan dan adab dalam masyarakat. Secara ringkasnya pengertian hisbah ini boleh dimaksudkan dengan apa-apa tindakan yang berada dalam ruang lingkup konsep amar maaruf nahi munkar dalam usaha menggapai keredhaan Allah Taala sebagai Tuhan sekalian alam berasaskan syariat Islam yang merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas bagi pelaksanaan hisbah di muka bumi ini. Oleh itu Fadhl Ilahi telah merumuskan mengapa para ulama Islam meletakkan setiap tindakan amar maaruf nahi munkar itu dengan penggunaan istilah hisbah atau tindakan hisbah menurut kefahaman para sarjana Islam berhubung konsep hisbah dan hubungkaitnya dengan teori pelaksanaan amar maaruf nahi munkar antaranya ialah:

1. Penggunaan perkataan hisbah itu berasal daripada lafaz al-ihṭisab dan al-hisbah yang membawa erti kepada pemahaman akan tuntutan ganjaran, oleh itu penggunaan lafaz hisbah bagi menggambarkan usaha amar maaruf nahi munkar itu difahami melalui perbuatan hisbah yang dilakukan oleh seseorang itu adalah tidak mengharap apa-apa selain pahala dan ganjaran daripada Allah Taala.
2. Pada masa yang sama lafaz al-ihṭisab dan al-hisbah juga turut difahami melalui erti atau makna penginkaran (al-inkar) iaitu dinamakan sesuatu perbuatan itu hisbah adalah berasaskan penginkaran terhadap meninggalkan perkara yang makruf dan memlaksanakan perkara kemungkaran.
3. Makna al-hisbah juga membawa maksud tadbir urus yang membawa maksud setiap urus tadbir yang dijalankan oleh seseorang itu seharusnya bersesuaian dengan kehendak syariat Ilahi sesuai dengan kedudukannya sebagai hamba bagi Allah Taala.

## DALIL HISBAH

Pada dasarnya terdapat dua dalil asas terhadap usaha pelaksanaan hisbah oleh umat Islam dalam setiap aspek kehidupan mereka khususnya terhadap pembentukan pengurusan hal ehwal Islam berkesan yang amat mementingkan kepada amalan amar maaruf nahi munkar dalam struktur organisasi secara luaran mahupun dalaman.

### 1. Al-Quran

Terdapat banyak dalil berkaitan kewajipan melaksanakan hisbah berdasarkan kepada kefahaman konsep amar maaruf nahi munkar. Pelaksanaannya adalah meliputi setiap aspek dalam kehidupan manusia. Ini kerana syaria Islam yang diwarisi sejak dari zaman junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. merupakan satu peraturan dan panduan lengkap untuk seluruh umat manusia bagi mencapai al-falah sebagai matlamat hidup seorang yang beriman kepada Allah Taala dan hari akhirat sebagai tempat pengadilan serta pembalasan. Antara nas al-Quran yang menjadi rujukan asas kepada usaha pelaksanaan hisbah adalah sebagaimana firman Allah Taala dalam surah al-Taubah ayat 71 yang bermaksud:

*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

Perintah melaksanakan amar makruf dan nahi munkar juga boleh difahami berdasarkan firman Allah Taala dalam surah Ali Imran ayat 114 yang bermaksud:

*Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh.*

Begitu juga terdapat firman Allah Taala dalam surah Ali Imran juga pada ayat 104 yang menyentuh berhubung pelaksanaan amar maaruf nahi munkar (hisbah) dalam kehidupan di dunia ini sebagai bekalan untuk hari kemudian agar dapat tergolong dalam golongan mereka yang mendapat kejayaan:

*Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*

Ayat al-Quran yang menjadi dalil dan asas kepada peri pentingnya usaha melaksanakan hisbah itu dijalankan serta dititikberatkan dalam segenap sudut kehidupan manusia jelas menunjukkan betapa pentingnya perintah amar maaruf nahi munkar itu dihayati secara teorinya dan diamalkan secara praktikalnya dalam kehidupan muslim di dunia ini. Ianya penting dalam memastikan setiap tindakan yang diambil adalah tidak bertentangan dengan perintah Allah Taala dan ajaran Islam yang sebenar, firman Allah Taala dalam surah al-Taubah ayat 105 yang bermaksud:

*Dan katakanlah (wahai Muhammad): beramalah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.*

## 2. Sunnah

Amalan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. juga turut menjadi dalil asas dan utama kepada pelaksanaan hisbah pada masa kini. Terdapat riwayat yang jelas menyatakan tindakan amar maaruf nahi munkar (hisbah) yang dilakukan oleh baginda s.a.w. semasa hayat baginda. Secara tidak langsung ianya memberikan satu alasan yang kukuh terhadap kepentingan pelaksanaan hisbah dalam pengurusan hal ehwal Islam melalui perbuatan nabi s.a.w. sebagai sumber ikutan umat Islam. Bahkan al-Sunnah merupakan sumber kedua dalam pengurusan Islam yang merujuk kepada hadis-hadis peninggalan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. sebagai nabi akhir zaman kepada umat manusia dan juga merupakan pembawa rahmat kepada

seluruh alam sebagaimana firman Allah Taala dalam surah al-Anbiya' ayat 107 yang bermaksud:

*Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*

Jelasnya Nabi Muhammad s.a.w. adalah merupakan ikutan yang wajar dikuti dan diteladani oleh seluruh umat Islam bagi mencapai keredhaan Allah Taala dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Terdapat beberapa riwayat yang jelas menunjukkan bahawa nabi s.a.w. telah melaksanakan hisbah ketika hayat baginda s.a.w. ini bersesuaian dengan perintah nabi s.a.w. supaya melaksanakan amar maaruf nahi munkar kepada umatnya sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

*Barang siapa dari kalangan kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, jika tidak mampu maka dengan lidahnya, jika tidak mampu juga maka dengan hatinya dan demikian itu adalah selemah-lemah iman (Riwayat Muslim).*

Baginda s.a.w. pernah melarang perbuatan menipu dalam jual beli dan juga perbuatan duduk di jalanan sehingga mengganggu orang lain dalam sesuatu urusan. Hamid Muhammad Abu Talib (1982: 21) Di samping itu baginda s.a.w. juga melantik seorang muhtasib (*sahib al-suq*) iaitu Said bin Said bin al-Ash untuk menjalankan hisbah di pasar raya Kota Mekah selepas peristiwa pembukaan Mekah (*al-fath*). Pelaksanaan hisbah juga turut diteruskan oleh para khulafa' al-rasyidin dalam usaha mengamalkan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dan merealisasikan perintah amar maaruf nahi munkar yang menjadi nadi dan juga elemen asas kepada pelaksanaan hisbah yang menjadi asas kepada pengurusan Islam.

## SUMBER HISBAH

Terdapat beberapa sumber dalam Islam yang menjadi asas kepada pelaksanaan hisbah seperti al-Quran, sunnah, contoh pengurusan Islam para sahabat dan pemerintah Islam terdahulu serta hasil karya para ilmuan Islam berkenaan hisbah.



## 1. Al-Quran

Al- Quran merupakan sumber utama kepada umat Islam yang menjadi rujukan asas dalam setiap aspek kehidupan manusia. Ia merupakan kitab wahyu yang terakhir dan lengkap diturunkan kepada umat manusia kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagai rasul terakhir. Oleh itu kedudukan al-Quran sebagai sumber asas kepada pelaksanaan hisbah dalam setiap sudut atau ruang lingkup seorang mukmin itu tidak dapat dinafikan terutamanya dalam proses pelaksanaan pengurusan Islam yang mantap dan berkesan.

## 2. Sunnah

Rasulullah s.a.w. sebagai rujukan dan ikutan oleh setiap umat Islam yang ingin melaksanakan ajaran Islam dengan panduan yang sebenar sesuai dengan apa yang telah diperintahkan oleh Allah Taala. Kepentingan dan keberadaan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dalam kehidupan masyarakat Islam adalah wajar untuk difahami dan dihayati. Ini kerana baginda s.a.w. merupakan ikutan yang baik (*uswatun hasanah*) untuk dituruti sesuai dengan firman Allah Taala dalam surah al- Ahzab ayat 21 yang bermaksud: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Begitu juga dalam firman Allah Taala dalam surah al-Nisa' ayat 80 yang membawa maksud:

*Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutus mu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan).*

Pelaksanaan hisbah itu jelas telah dilakukan oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. ketika hidup baginda dalam pelbagai riwayat hadis. Oleh kerana ianya merupakan satu amalan warisan nabi s.a.w. maka ia juga turut diamalkan dan diteruskan serta diperkembangkan lagi sesuai dengan faktor perkembangan semasa oleh para khalifah r.a yang empat selepas kewafatan nabi s.a.w. seterusnya tetap dilaksanakan oleh pemerintah Islam yang terkemudian berasaskan kepada sunnah Rasulullah s.a.w. dan kesedaran

terhadap kepentingannya dalam membentuk kesejahteraan bersama merangkumi aspek urusan agama, politik, ekonomi dan sosial.

### 3. Amalan khulafa' al-rasyidin

Amalan pengurusan Islam yang menjadi asas kepada pengurusan hal ehwal Islam pada masa kini adalah merujuk kepada pelaksanaan pengurusan hal ehwal Islam ketika zaman para khulafa' al-rasyidin yang menjadi sandaran dan ikutan oleh umat Islam yang terkemudian dan sentiasa dikaji serta dipelajari sehingga hari ini. Jelasnya antara khalifah empat yang dilihat berperanan besar dalam perkembangan pengurusan hal ehwal Islam pada masa kegemilangan Islam tersebut adalah khalifah Islam yang kedua iaitu Saidina Umar al-Khattab r.a. dilihat sebagai tokoh utama terhadap perkembangan pengurusan Islam pada masa lalu melalui penambahbaikan dan pengubahsuaian terhadap sistem pemerintahan dan pentadbiran Islam yang sedia ada melalui penubuhan beberapa jabatan dan jawatan baru yang dilihat menjadi faktor kepada perkembangan pesat pengurusan Islam yang berwibawa dan dijadikan rujukan sehingga kini.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus dan Anuar Puteh (2001: 92) menjelaskan bahawa pengubahsuaian tersebut dilakukan bagi melicinkan lagi pengurusan dan pentadbiran negara sesuai dengan perkembangan kekuasaan negara Islam dan pertambahan umat Islam serta masalah dan kemaslahatan negara. Namun begitu, dasar yang digariskan itu tetap tidak lari daripada menegakkan keadilan, kekuasaan dan pemerintahan mengikut syariah Islamiah. Saidina Umar r.a. tetap mengekalkan konsep syura sebagai asas kepada pentadbiran dan pengurusan negara. Beliau telah mewujudkan beberapa jabatan khusus bagi melicinkan lagi usaha pembangunan dan pentadbiran pemerintahan Islam pada ketika itu antaranya adalah mewujudkan jawatan dan jabatan baharu seperti Ketua Perbendaharaan (*Sāhib al-Mal*), Ketua Polis (*Sāhib al-Syurtah*), Setiausaha Jabatan, Baitulmal, *Diwān al-Jund*, Jabatan Wakaf dan *Sāhib al-Suq* yang kemudiannya dikembangkan lagi oleh pemerintah selepasnya yang turut dikenali melalui gelaran *al-muhtasib*. Di samping itu Umar al-Khattab r.a. juga turut memperkenalkan kalendar Islam berasaskan kepada penghijrahan umat Islam. Malah Usamah Abdul Sami' (2011) menyebut bahawa peranan dan pensyariatannya hisbah serta kewajibannya telah dilaksanakan oleh para sahabat r.a dalam usaha menjalankan perintah amar maaruf nahi munkar. pelaksanaan hisbah telah Oleh itu sewajarnya sejarah pengamalan pengurusan hal ehwal Islam pada zaman kegemilangan Islam ketika era pemerintahan khulafa' al-rasyidin terus dihayati dan dijadikan sumber asas

dalam usaha memantapkan lagi pelaksanaan pengurusan Islam pada masa kini terutamanya dari segi pelaksanaan hisbah dalam pengurusan hal ehwal Islam.

#### 4. Amalan kerajaan Islam terdahulu

Sejarah telah membuktikan akan kecemerlangan pemerintahan Islam terdahulu, bermula dari zaman pemerintahan Bani Umayyah, Bani Abbasiyah, kerajaan Islam Andalusia, kerajaan Mamluk, kerajaan Ayyubiyah, empayar Turki Uthmaniah, kerajaan Islam Moghul, Kesultanan Melaka, Demak dan selainnya. Antara warisan yang ditinggalkan oleh kerajaan-kerajaan Islam terdahulu adalah amalan pengurusan hal ehwal Islam yang menjadi teras kepada pelaksanaan pengurusan Islam pada masa kini terutamanya dari sudut pelaksanaan hisbah yang dilihat berperanan dalam usaha menerapkan pelaksanaan konsep amar makruf nahi munkar yang menyeluruh merangkumi aspek agama, politik, ekonomi dan sosial untuk memelihara kemaslahatan ummah. Walau bagaimana pun perubahan sentiasa berlaku terhadap kaedah pelaksanaan hisbah bagi sesebuah kerajaan dan ianya amat berkait rapat dengan peranan dan kuasa pemerintah Islam pada ketika itu.

Anwar Ahmad Qadri (1980) menjelaskan bahawa kerajaan Abbasiyah telah mewujudkan satu institusi khusus yang melaksanakan tugas amar maaruf nahi munkar dan tugas hisbah tersebut dipertanggungjawabkan terhadap pegawai penguatkuasa kerajaan yang digelar sebagai muhtasib. Bidang kuasa muhtasib adalah merangkumi perkara yang membabitkan hak-hak Allah Taala, hak-hak manusia dan yang terakhir adalah berkaitan hak secara bersama antara Allah Taala dan manusia. Muhtasib juga boleh bertindak memberikan hukuman sekiranya di dapati seseorang (*muhtasab alaih*) itu telah melakukan kesalahan sesuai dengan peruntukan undang-undang.

Menurut Abdul Hasib Ridhwan (1990) pelaksanaan hisbah dilihat mula-mula berkembang pada zaman empayar Abbasiyah melalui Khalifah Abu Jaafar al-Mansur iaitu melalui perlantikan Abu Zakaria Yahya sebagai pegawai hisbah di bandar dan pasar-pasar Baghdad pada masa itu. Hisbah juga turut dilaksanakan oleh kerajaan Fathimiyah di mana pegawai yang dilantik adalah dari kalangan mereka yang mempunyai sifat adil, wara dan berilmu. Pegawai muhtasib yang dilantik akan diberikan gaji sebanyak tiga puluh dinar bagi setiap bulan, tugas hisbah yang dilakukan adalah merangkumi bidang pendidikan, mengawasi timbangan barangan di pasar-pasar, memantau perlakuan kaum wanita dari melakukan perbuatan *tabarruj*

(berhias secara berlebihan) dan berkumpul di persisiran sungai Nil di Mesir, muhtasib juga turut menegah jual beli barangan muzik yang boleh melalaikan dan penguatkuasa (muhtasib) juga berperanan dalam memantau serta mengawasi perilaku masyarakat agar ianya sesuai dengan adab-adab awam. Jelasnya pelaksanaan hisbah berdasarkan sejarah pemerintahan Islam terdahulu amat penting untuk sentiasa dikaji dan dihayati untuk memantapkan usaha hisbah pada masa kini sesuai dengan peredaran zaman khususnya dalam aspek pengurusan hal ehwal Islam.

#### 5. Hasil karya sarjana Islam

Terdapat banyak karya ilmuan Islam yang membicarakan berkaitan hisbah dan pelaksanaannya samada pada masa lampau atau pada masa kini. Karya atau penulisan tersebut amat penting untuk dipelajari dan didalami dalam usaha memantapkan lagi usaha pelaksanaan hisbah dan ilmu pengurusan Islam pada masa kini. Penyelidikan berterusan juga amat penting untuk dijalankan terhadap karya-karya tersebut agar dapat menggali dan memperolehi buah fikiran dan maklumat penting bagi membentuk pelaksanaan hisbah yang cemerlang dan berkesan. Auni Abdullah (2000) telah membahagikan susunan karya-karya hisbah dalam khazanah persuratan Islam kepada beberapa bahagian antaranya ialah karya-karya khusus mengenai hisbah, yang kedua karya-karya fiqh dan pemikiran politik Islam dan yang ketiga karya-karya yang berbentuk ensiklopedia pengukur pencapaian sosio-ekonomi, sains dan teknologi. Jelasnya terdapat beberapa karya terdahulu yang menjadi rujukan asas serta merupakan karya fundamental kepada penulisan konsep dan pelaksanaan hisbah pada masa kini seperti karya al-Mawardi (1058 Masihi) yang bertajuk *Ahkām al-Sultaniah* dalam bab terakhir berhubung hisbah, karya al-Ghazali (1111 Masihi) iaitu *Ihya Ulumuddin* di mana beliau membicarakan hisbah dalam satu bab yang khusus, begitu juga dengan karya al-Syairazi (1193 Masihi) yang bertajuk *Nihāyah al-Rutbah fī Talab al-Hisbah*, karya Ibn Taimiyah yang bertajuk *al-Hisbah fī al-Islām* (1328 Masihi), karya Ibn Ukhwwah iaitu *Ma'alim al-Qurbah fī Ahkam al-Hisbah* (1329 Masihi) dan hasil penulisan Ibn Bassam berkaitan hisbah iaitu *Nihāyah al-Rutbah fī Talab al-Hisbah* (1440 Masihi).

## MATLAMAT HISBAH

Matlamat hisbah adalah selari dengan matlamat syariah yang juga difahami dengan maqasid syariah yang berfungsi untuk memelihara akal, nyawa, agama, keturunan (maruah) dan harta. Tujuan pelaksanaan hisbah juga adalah berpaksi kepada matlamat asas pengurusan Islam atau pengurusan hal ehwal Islam iaitu untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat di samping mengejar keredhaan Allah Taala. Tauhid menjadi asas kepada pengurusan Islam yang merupakan salah satu perbezaan yang jelas berbanding pengurusan konvensional yang lebih menumpukan kepada aspek material dan fizikal semata-mata. Ringkasnya para fuqaha menjelaskan bahawa matlamat asas pelaksanaan hisbah adalah untuk menguatkuasakan perintah amar maaruf nahi munkar itu sendiri (Usamah Abdul Sami': 2011). Pelaksanaannya meliputi seluruh aspek dalam kehidupan umat manusia. Keberadaan fungsi ketauhidan merupakan salah satu elemen penting dalam pelaksanaan pengurusan Islam yang berkesan, ini kerana melalui peranan ketauhidan maka akan timbulnya elemen ihsan yang menjadi asas kepada gerak kerja yang cemerlang. Mardzelah Makhsin (2008) telah merangkumkan beberapa matlamat khusus hisbah di mana ianya amat berkait rapat dengan menjaga kepentingan umat manusia dan kesejahteraannya di dunia ini. Berikut adalah matlamat khusus yang menjadi asas kepada pelaksanaan hisbah:

1. Pelaksanaan hisbah adalah bertujuan mewujudkan institusi masyarakat yang berakhlak berasaskan norma-norma Islami yang merujuk kepada ajaran al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w.. Maka penubuhan badan hisbah di kalangan masyarakat adalah bertujuan untuk memastikan masyarakat dapat mematuhi dan mengamalkan etika moral Islam dalam segenap aspek kehidupan.

Amalan hisbah juga amat penting bagi mewujudkan pentadbiran dan politik yang stabil serta harmoni. Matlamat khusus hisbah dari aspek politik dan pentadbiran adalah untuk mengawasi dan membasmi segala salah laku yang berlaku dalam sistem pentadbiran yang membabitkan pegawai-pegawai kerajaan dan pemerintah bagi memelihara kepentingan dan kesejahteraan masyarakat serta mengukuhkan fungsi pentadbiran kerajaan agar dapat membentuk sebuah kerajaan yang baik dan mendapat keredhaan Allah Taala.

2. Pelaksanaan hisbah amat berkait rapat dengan amalan ekonomi yang sihat dan sejalan dengan konsep muamalah Islam. Sejarah hisbah juga turut menunjukkan bahawa institusi hisbah berkembang dari jawatan kuasa pemantau pasar (*sahib al-suq*) ketika zaman baginda s.a.w. dan seterusnya menjadi sebuah institusi yang berkuasa dalam setiap pemerintahan Islam bagi memastikan fungsi amar maaruf nahi munkar dapat dizahirkan. Di samping hisbah juga berfungsi untuk melahirkan amalan ekonomi yang positif tanpa unsur-unsur yang merosakkan seperti tipu daya, riba dan selainnya.

3. Hisbah juga berperanan untuk membentuk suasana sosial yang menjamin keharmonian bersama sesuai dengan kehendak syariah. Aspek sosial yang dilihat berperanan dalam mewujudkan suasana sosial yang harmoni dan stabil di dalam masyarakat dan negara adalah dari sudut pendidikan, perubatan, penghasilan produk, kemudahan awam dan keselamatan. Jelasnya pelaksanaan hisbah tidak hanya terhad kepada ekonomi dan politik semata-mata malah ianya merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk menjaga dan memelihara kepentingan sosial dalam struktur masyarakat yang sedia ada.

## PEMBAHAGIAN HISBAH

Pelaksanaan hisbah terbahagi kepada dua pembahagian utama yang membabitkan pengawasan dalam yang disebut sebagai *muhasabat al-nafs* dan pengawasan luaran yang membabitkan pelbagai pihak seperti masyarakat dan kerajaan berasaskan kepada skopnya yang amat luas merangkumi agama, politik, sosial dan ekonomi dalam sesebuah negara.

### **Hisbah Secara Dalaman**

Hisbah secara dalaman ini merupakan interpretasi amar maaruf dan nahi munkar dalam setiap jiwa manusia yang terbabit dalam pengurusan Islam. di samping itu ia juga merupakan unsur dalaman bagi sesebuah organisasi yang melaksanakan pengurusan hal ehwal Islam. melalui hisbah secara dalaman secara tidak langsung akan melahirkan tenaga kerja atau sumber manusia yang hebat dan berkesan dalam usaha mencapai matlamat sesebuah organisasi. Manakala hisbah secara dalaman bagi sesebuah organisasi Islam membabitkan perancangan dan penyusunan serta penerapan nilai-nilai Islam melalui kefahaman bersama terhadap peri pentingnya amalan hisbah dalam

setiap organisasi Islam salah satu bentuk pengamalan hisbah dalam organisasi tersebut boleh dilihat melalui penubuhan jawatan kuasa atau bahagian khusus yang menjadi pengawal atau bertindak sebagai muhtasib dalam memastikan setiap gerak kerja dan skop tugas berjaya dipenuhi dengan berasaskan pemahaman dan penerapan bahawa setiap tugas yang dipertanggungjawabkan itu merupakan amanah dan pada masa yang sama menjadi ibadah sekiranya dijalankan dengan benar dan berintegriti berdasarkan kefahaman yang jelas terhadap aspek akauntabiliti dalam sebuah organisasi dan juga dalam setiap jiwa anggota organisasi Islam tersebut.

Abu Mazaya dan Abu Izzat (2015) menjelaskan bahawa terdapat empat peringkat asas dalam pelaksanaan hisbah (pengawasan) salah satunya adalah menyentuh aspek pengawasan diri sendiri yang bersifat dalaman (*al-raqabah al-zatihah*) ianya membabitkan kecenderungan dan kemampuan seseorang untuk mengawal dan mendisilinkan diri dari terjebak dengan perlakuan yang bertentangan dengan etika Islam berasaskan kepada kefahaman dan keimanannya sendiri bersandar kepada perintah pelaksanaan amar maaruf nahi munkar yang secara khususnya dapat difahami melalui konsep muraqabah al-nafs. Auni Abdullah (t.th: 139) turut menjelaskan bahawa amalan-amalan pengawasan (hisbah) berpandukan prinsip hisbah ini ditujukan kepada individu. Tetapi pengawasan ini lebih bersifat dalaman dan ia lebih banyak bergantung kepada tahap kesedaran agama dan kesediaan seseorang untuk mencari keredhaan Ilahi. Pengawasan diri sendiri ini sering dikenali dengan panggilan muhasabat al-nafs dalam tradisi ilmu akhlak dan tradisi kerohanian Islam (tasawuf). Tetapi ia juga ada disebutkan dengan panggilan-panggilan al-muhasabat al-zatihah dan al-raqabah al-zatihah yang membawa maksud yang lebih kurang sama. Di zaman akhir-akhir ini ada yang lebih berminat memanggilnya al-naqd al-zati (*self-criticism*).

Pengawalan dan pengawasan adalah asas kepada mewujudkan pengurusan Islam yang cemerlang dan mapan. Ianya juga berkait rapat dengan peranan untuk menunaikan amanah yang diberikan terutama dalam sesebuah organisasi Islam yang melaksanakan pengurusan hal ehwal Islam firman Allah Taala dalam surah al-Nisa' ayat 58 yang bermaksud:

*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

Ahmad Ibrahim Abu Sin (2002: 224) menyatakan pengawalan terhadap diri sendiri ini dapat mengelakkan seseorang individu Islam daripada melakukan penyelewengan dan sebaliknya menjadikannya bertanggungjawab terhadap hukum syarak sepanjang ia menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pentadbirannya. Inilah matlamat yang ingin dicapai dan diharapkan dalam agama Islam sesuai dengan tujuan pelaksanaan hisbah itu sendiri.

### **Hisbah Secara Luaran**

Hisbah secara luaran itu amat berkait rapat dengan skop tugas atau bidang kuasa sesebuah organisasi Islam dalam melaksanakan pengurusan Islam. Abu Mazaya dan Abu Izzat (2015) menyatakan bahawa pelaksanaan hisbah secara luaran adalah berasaskan kepada beberapa peringkat pengawalan bagi menjamin kesejahteraan dan keadilan. Pertama pengawalan Ilahi yang berkait rapat dengan sifat kebesaran Allah Taala yang Maha Mendengar, Maha Melihat lagi Maha Mengetahui. Kedua pengawalan oleh masyarakat terhadap pihak pemerintah mencakupi hak-hak tertentu seperti hak kebebasan bersuara. Ketiga pengawalan oleh pemerintah sebagai satu mekanisme kerajaan bagi mengawal dan memelihara rakyat sesuai dengan perintah agama untuk melaksanakan amar maaruf nahi munkar.

Jelasnya pelaksanaan hisbah ini mempunyai skopnya yang amat luas seperti menjalankan pengawalan di pasar-pasar dan juga dalam segenap lapangan masyarakat antaranya dalam hal ehwal perubatan, pendidikan, pengilangan dan penghasilan produk. Di samping itu ia juga turut berperanan dalam pemantauan harga barangan jualan dan timbangan bagi menjamin perkembangan ekonomi yang sihat dalam masyarakat. Pelaksanaan hisbah juga membabitkan pengawalan akhlak yang menyentuh persoalan etika dalam sosial kemasyarakatan bagi memelihara kesejahteraan awam seperti perlakuan tidak senonoh, meminum arak dan pergaulan antara lelaki dan perempuan. Pengawalan juga turut dijalankan dalam bidang pembinaan bangunan dan menguatkuasakan undang-undang di jalan-jalan. Bahkan pelaksanaan hisbah juga meliputi pelbagai lapangan yang berbeza sehingga ia juga dilihat berkait rapat dengan usaha dakwah ke arah kebaikan dalam masyarakat (Syauqi Abu Khalil 2010)

Oleh itu, bagi merealisasikan usaha dan tanggungjawab tersebut pihak kerajaan perlu mewujudkan sebuah institusi khusus untuk melaksanakan hisbah. Sepertimana di Malaysia pelaksanaan hisbah dalam sudut pengurusan hal ehwal Islam (PHEI) adalah berada di bawah kuasa negeri dan sultan atau raja sebagai ketua agama Islam negeri. Melalui



penubuhan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai sebuah organisasi Islam menurut konteks pengurusan Islam berfungsi dalam pelaksanaan hisbah yang dijalankan berasaskan kepada konsep hisbah yang bermatlamat untuk melaksanakan prinsip amar maaruf nahi munkar di negeri masing-masing, salah satunya adalah dengan mewujudkan bahagian penguatkuasaan dan melantik Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) di setiap negeri masing-masing yang bertindak sebagai pelaksana hisbah (muhtasib). Secara ringkasnya pihak agama yang mempunyai kuasa PHEI berperanan untuk melaksanakan hisbah sesuai dengan peruntukan undang-undang pentadbiran agama Islam negeri dan penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah negeri. PPA diberikan kuasa dan tanggungjawab menjalankan tugas amar maaruf nahi munkar berdasarkan skop tugas dan bidangkuasa yang telah ditentukan merujuk kepada enakmen pentadbiran agama Islam negeri. Bahkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan juga badan-badan kerajaan negeri dan pusat turut sama bekerjasama dalam usaha melaksanakan hisbah menurut konteks undang-undang syariah negeri.

#### HISBAH DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM

Hisbah merupakan salah satu elemen penting dalam pelaksanaan pengurusan Islam yang kukuh dan berkembang. Mustafa Daud (2000: 29) menjelaskan Islam sangat mementingkan soal-soal pengurusan. Pengurusan yang baik ialah dengan memenuhi beberapa kriteria seperti falsafah, ciri dan profesionalisme. Kriteria tersebut dianggap sebahagian daripada pengurusan Islam. Ini kerana pengurusan Islam bermatlamatkan al-falah iaitu kejayaan di dunia dan akhirat. Pengurusan Islam terkandung di dalamnya beberapa proses pengurusan yang tersendiri meliputi aspek niat, perancangan, pelaksanaan, perorganisasian, pengarahan, pengawalan dan penilaian. Adapun aspek pengawalan dan pengawasan itu daripada beberapa asas yang penting iaitu al-ihsan iaitu kesedaran terhadap pemerhatian Allah Taala, kedua amalan amar maaruf nahi munkar, ketiga pembudayaan usaha peningkatan prestasi yang berterusan dan yang terakhir adalah berdoa kepada Allah Taala untuk memperolehi kebaikan (Akademi Pengurusan YPEIM, 2005). Oleh itu fungsi hisbah amat jelas sekiranya dihubungkan dengan usaha untuk mencapai matlamat dan objektif sesebuah organisasi yang melaksanakan PHEI dalam setiap struktur organisasi dan masyarakat. Iaitu merangkumi usaha perancangan, penstrukturan, pelaksanaan dan pengawalan. Penulis membahaskan pelaksanaan hisbah dalam pengurusan

hal ehwal Islam mengikut konteks amalannya di Malaysia. Jelasnya urusan hal ehwal Islam di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri iaitu berada di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan atau Raja bagi setiap negeri dan Yang Di Pertuan Agong (YDPA) Malaysia. Ini secara jelas dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan, berhubung kuasa-kuasa berkenaan dengan agama itu diletakkan di bawah kuasa Negeri. Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan:

*Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan perbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan, mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.*

Razaleigh Muhamat@Kawangit (2005: 12) menjelaskan bahawa pengurusan dalam Islam kadang-kadang juga disebut sebagai pengurusan hal ehwal Islam atau kadang-kadang juga disebut sebagai pentadbiran hal ehwal Islam merujuk kepada sistem pentadbiran awam di Malaysia. Ini kerana status undang-undang negara meletakkan bahawa urusan hal ehwal Islam itu adalah urusan yang melibatkan pengorganisasian yang dikawal

oleh sesebuah negeri. Oleh itu kewujudan organisasi Islam secara tidak langsung akan melahirkan satu sistem pengurusan yang dipanggil pengurusan hal ehwal Islam. Malah beliau juga berpendapat bahawa pengurusan di dalam Islam secara rekodnya tidak mempunyai satu kerangka (framework) yang tetap. Ini bermakna, kerangka itu boleh dicipta bergantung kepada keperluan semasa dan mengikut perkembangan keadaan dan zaman.

Pelaksanaan hisbah dalam konteks PHEI negeri tampak jelas adalah melalui penubuhan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Manakala DYMM Sultan bagi negeri bertindak sebagai Ketua Agama Islam berperanan dalam memelihara kedudukan agama Islam dan masyarakatnya. Ruang lingkup pelaksanaan hisbah PHEI di Malaysia secara umumnya adalah berasaskan penguatkuasaan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri dan enakmen pentadbiran undang-undang agama Islam negeri. Melalui perantikan Pegawai Penguatkuasaan Agama (PPA) sebagai muhtasib oleh MAIN melalui perkenan DYMM Sultan atau Raja bagi setiap negeri jelas menonjolkan peranan badan berkuasa agama tersebut dalam menguatkuasakan hisbah dalam PHEI negeri. Manakala JAIN pula dilihat sebagai badan agama yang merupakan urus setia atau badan pelaksana dasar yang telah ditetapkan oleh MAIN sebagai sebuah badan eksekutif yang mengurus tadbir PHEI negeri. Oleh itu, setiap negeri mempunyai dasar pengurusan hal ehwal Islamnya yang tersendiri, di sini dibawakan salah satu contoh dasar PHEI di negeri Selangor yang berada di bawah kuasa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) iaitu:

*MAIS berkewajipan untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan hukum syarak (Subseksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor) Pindaan 2008).*

Secara umumnya dapat difahami bahawa fungsi MAIS di samping berperanan menasihati DYMM Sultan dari sudut hal ehwal Islam, MAIS juga dilihat memainkan peranan terhadap membangunkan ekonomi dan memelihara kesejahteraan sosial masyarakat Islam di Selangor. JAIS sebagai badan pelaksana dasar MAIS telah menyusun strategi pelaksanaan hisbah yang digerakkan dengan bantuan setiap Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) bagi setiap daerah di negeri Selangor melalui penubuhan Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan (BPP) dan bahagian-bahagian lain yang

berkaitan merujuk kepada bidang kuasa undang-undang pentadbiran agama Islam negeri yang sedia ada.

Jelasnya Azrin Ibrahim (2014: 93) menjelaskan bahawa bahagian penguatkuasaan di jabatan agama Islam amat berkait rapat dengan pelaksanaan hisbah dari aspek sosial dan kemasyarakatan. Di samping itu beliau juga turut menyatakan bahawa fungsi penguatkuasaan tersebut merupakan tunjang kepada penubuhan jabatan agama Islam di seluruh negara, bahkan ianya selari dengan fungsi dan matlamat hisbah itu sendiri. Malah menurut Muhammad Yusof Khalid (1998: 113) dalam konteks kenegaraan sekarang pihak kerajaan telah melaksanakan banyak tugas-tugas muhtasib seperti badan yang mengawal mutu barangan, badan yang mengawal harga dan timbangan, badan yang merampas penjaja haram dan mesin video yang beroperasi secara haram, badan yang menahan pelumba haram, badan pencegahan rasuah, badan penguatkuasa agama Islam dan sebagainya.

Secara ringkas pelaksanaan hisbah itu sememangnya berkait rapat dengan pengurusan hal ehwal Islam sesuai dengan fungsi dan matlamat pengurusan Islam iaitu untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat (al-falah) serta mendapat keredhaan Allah Taala melalui pelaksanaan tugas pengawasan (hisbah) yang bersandarkan kepada perintah amar maaruf dan nahi munkar. Namun begitu pelaksanaannya adalah berbeza mengikut tempat, suasana dan masa. Malah pemerintah dan pihak berkuasa dilihat berperanan besar dalam meluaskan lagi skop tugas hisbah tersebut atau sebaliknya terutamanya dari sudut pengurusan hal ehwal Islam. Walau bagaimana pun pelaksanaan hisbah tersebut wajar untuk terus dilaksanakan sesuai dengan bidang kuasa yang sedia ada dalam usaha memenuhi suruhan agama Islam dari sudut pelaksanaan amar maaruf nahi munkar dalam seluruh aspek kehidupan.

#### KEPENTINGAN HISBAH DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM

Hisbah amat penting bagi memastikan setiap tindakan atau gerak kerja perjalanan pengurusan hal ehwal Islam yang mapan dan kukuh. Oleh itu Ahmad Shahbari Salamon (1986) menjelaskan berhubung konsep pengurusan Islam terhadap manusia adalah amat berkait rapat sekali dengan tugasnya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran sendiri iaitu dari sudut pengurusan dan pentadbiran yang berasaskan kepada etika moral yang benar untuk mencapai

keadilan dan kebahagiaan. Ini kerana pelaksanaan hisbah jelas merangkumi aspek lahiriah dan batiniah samada dari sudut tenaga kerja mahupun organisasi. Ianya juga turut menjadi tonggak kepada pengurusan hal ehwal Islam yang berdaya maju dan terkehadapan. Oleh itu di sini dinyatakan beberapa kepentingan amalan hisbah dalam pengurusan hal ehwal Islam:

1. Mewujudkan sistem pengurusan hal ehwal Islam yang mantap dan efisien. Pengurusan hal ehwal Islam akan menjadi kukuh secara dalaman dan luaran melalui pelaksanaan hisbah yang merangkumi elemen dalaman dan luaran. Ini kerana salah satu fungsi hisbah adalah untuk memelihara masyarakat dan organisasi yang melaksanakan pengurusan Islam berada dalam terkawal dan tidak bertindak melampaui batas. Organisasi yang menjalankan hisbah akan terus berkembang sebagai sebuah organisasi yang maju dan terkehadapan selama mana ianya menepati ajaran Islam yang sebenar.

2. Mewujudkan masyarakat yang patuh terhadap undang-undang.

Pelaksanaan hisbah dari aspek pengurusan hal ehwal Islam secara tidak langsung dapat membentuk struktur masyarakat yang cemerlang dan patuh kepada peraturan dan undang-undang negara. Malah pelaksanaan hisbah juga turut mementingkan bantuan orang ramai dalam usaha menjalankan tugas amar maaruf dan nahi munkar yang tidak hanya terhad penguatkuasa yang dilantik pihak kerajaan semata-mata. Masyarakat yang patuh kepada undang-undang melalui penguatkuasaan hisbah seterusnya akan mewujudkan bentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera dari pelbagai aspek kehidupan. Justeru itu melalui sebuah masyarakat yang cemerlang maka akan lahir sebuah negara yang gemilang dan dihormati.

3. Mewujudkan suasana yang sejahtera dan harmoni dalam masyarakat.

Pelaksanaan hisbah juga berkepentingan dalam usaha mewujudkan suasana masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Ini kerana pelaksanaan hisbah melalui pengurusan hal ehwal Islam tidak hanya terhenti kepada amalan di dunia semata-mata, bahkan ia juga amat menitik beratkan balasan di akhirat kelak. Oleh itu fungsi pengawasan Islam adalah lebih bersifat menyeluruh berbanding dengan falsafah pengawasan yang non Islamik yang lebih tertumpu kepada bentuk pengawasan lahiriah tanpa menekankan unsur-unsur pengawasan secara batiniah yang difahami melalui konsep muhasabat al-nafs.

4. Membanteras dan mencegah amalan-amalan yang bertentangan dengan prinsip ajaran Islam.

Pelaksanaan hisbah melalui pengurusan hal ehwal Islam dilihat amat penting bagi membasmi dan mengawal jenis-jenis amalan yang dilihat bertentangan dengan prinsip ajaran Islam seterusnya boleh menimbulkan masalah dan kerosakan (*mafsadat*) dalam masyarakat khususnya pada aspek agama. Ini kerana secara jelasnya fungsi dan matlamat pelaksanaan hisbah adalah amat berkait rapat dengan tujuan agama Islam itu sendiri yang difahami melalui konsep maqasid syariah yang bermatlamat untuk menjaga dan memelihara agama, akal, nyawa, keturunan (maruah) dan harta.

5. Menjalankan dakwah melalui prinsip amar maaruf nahi munkar.

Pelaksanaan hisbah dalam pengurusan hal ehwal Islam bukanlah semata-mata hanya untuk memberikan hukuman atau mencari kesalahan akan tetapi salah satu tujuan pelaksanaan hisbah juga adalah bermatlamat untuk menjalankan dakwah dan mendidik masyarakat supaya sentiasa berpegang dan mematuhi ajaran agama Islam yang berteraskan kepada al-Quran, al-Sunnah dan juga para ulama Islam yang merupakan pewaris nabi.

6. Memperkasakan institusi sosial, ekonomi dan politik.

Fungsi hisbah dalam pengurusan Islam tidak hanya terhad kepada beberapa aspek sahaja, akan tetapi ianya meliputi seluruh aspek kehidupan manusia samada politik, ekonomi, agama dan sosial. Jelasnya pelaksanaan dan kewujudan hisbah dalam pengurusan hal ehwal Islam amat penting dalam usaha memperkasakan lagi institusi agama, sosial, ekonomi dan politik. Melalui pemerksaan dalam segenap sudut maka akan wujudnya masyarakat dan negara yang sejahtera dan harmoni.

## KESIMPULAN

Hisbah merupakan warisan amalan pengurusan Islam yang berteraskan kepada perintah Allah Taala dan sunnah junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Pelaksanaan hisbah adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak-kehendak syariah Islamiah yang difahami berdasarkan teori maqasid

syariah, malah matlamatnya juga turut seiringan dengan matlamat pengurusan Islam. Pelaksanaannya merangkumi aspek dalaman dan juga luaran, di mana ia amat mementingkan peranan muhasabah al-nafs dalam setiap diri dalam masa yang sama hisbah secara luaran juga turut dititikberatkan menurut konteks pengurusan hal ehwal Islam. Jelasnya pelaksanaan hisbah dalam pengurusan hal ehwal Islam adalah begitu penting bagi melahirkan masyarakat dan kerajaan yang stabil dan harmoni. Bahkan peranan hisbah juga turut meliputi dalam pelbagai aspek kehidupan iaitu dari segi agama, politik, ekonomi dan sosial. Seterusnya dalam usaha memantapkan lagi peranan dan pelaksanaan hisbah pada masa kini khususnya bagi memperkasakan lagi peranan hisbah pengurusan hal ehwal Islam maka kajian dan penyelidikan yang berterusan wajar dilaksanakan supaya dapat mewujudkan masyarakat dan negara yang cemerlang dan gemilang pada masa akan datang.

#### RUJUKAN

- Abdul Hasib Ridhwan. 1990. *Dirāsāt fi al-hisbah min nahīyatin: al-tarikhīyah wa al-fiqhīyah*. Kaherah: al-Matbaah al-Islamiyyah al-Haditsah.
- Abdul Karim Zaydan. 2010. *Usul al-da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Abdul Karim Zaidan. 2011. *Nizām al-qadha' fi al-syariah al-islamiyyah*. Beirut: Muassasah Risalah Nashirun
- Abu Mazaya dan Abu Izzat. 2015. *Fiqh jenayah islam*. Batu Caves: al-Hidayah Publications.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. Terj. Abdul Rashid Ngah & Jusoh Kadir. 2002. *Pengurusan dalam islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus dan Anuar Puteh. 2001. *Kepimpinan dan pengurusan islam*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh UKM.
- Ahmad Shahbari Salamon. 1986. Islamic concept of management. *Islamiyyat* (7) 67-72.
- Akademi Pengurusan YPEIM. 2005. *Pengurusan dalam Islam: menghayati prinsip dan nilai qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1980. *Ihya Ulum Al-Din*, Jil 2. Beirut: Dar Al-Rasyad Al-Hadithah
- Al-Mawardi. 2006. *al-Ahkām al-sultaniyah*. Kaherah: Dar al-Hadis.

- Anon. 1973. *al-Munjid*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Anwar Ahmad Qadri. 1980. *Justice in historical islam*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
- Auni Abdullah. 2000. *Hisbah dan pentadbiran negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Auni Abdullah. t.th. *Pengurusan islam: potensi dan cabaran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Azrin Ibrahim. 2014. *Amalan hisbah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Pindaan 2008.
- Hamid Muhammad Abu Talib. 1982. *al-Tanzim al-qadhā'ī al-islamī*. Misr: al-Matbaah al-Saadah.
- Ibrahim Anis et.al. 1972. *al-Mu<sup>h</sup>jam al-wasīt*. Kaherah: t.p.
- Mardzelah Makhsin. 2008. *Hisbah: sistem pengawasan dan etika pengurusan Islam*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Yusuf Khalid. 1998. Hisbah dan peranannya dalam pengurusan pembangunan Islam. Dlm. Abdul Ghafar Hj. Don & Shamsul Bahri Andi Galigo (pnyt.). *Dakwah menjana masyarakat madani*. hlm. 110-117. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Mustafa Daud. 2000. Pengurusan Islam: falsafah, ciri dan profesionalisme. Dlm. Abdul Ghafar Don et.al (pnyt.). *Dakwah dan pengurusan Islam di Malaysia: konsep dan pelaksanaan*. hlm. 29-36. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 2010
- Razaleigh Muhamat@Kawangit. 2005. *Pengurusan hal ehwal Islam di pusat Islam IPT*. Bangi: Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Shauqi Abu Khalil. 2010. *al-Hadharah al-<sup>h</sup>arabiyyah al-islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muaashir.
- Usamah Abdul Sami'. 2011. *al-Hisbah fī al-islam wa dauruha fī himāyati al-mustahlik*. Misr: Dar al-Kutub al-Qanuniah.



\*Abdul Qahhar Ibrahim  
Jabatan Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, 43600 Selangor D.E. Malaysia  
Email: [abdulqahharibrahim@yahoo.com.my](mailto:abdulqahharibrahim@yahoo.com.my)